



KENYATAAN MEDIA

KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS: WANITA BERDAYA SELANGOR SERAH SUMBANGAN KEPADA MANGSA

Kebakaran melibatkan saluran paip gas yang berlaku di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, Selangor pada 1 April 2025 telah mengakibatkan kemusnahan besar kepada kawasan perumahan berhampiran.

Laporan awal pihak berkuasa menyatakan bahawa kebakaran berpunca daripada kebocoran saluran paip gas sepanjang kira-kira 500 meter yang mengakibatkan letupan serta kebakaran besar sehingga dapat dilihat dari jauh. Susulan insiden ini, pasukan penyelamat dan bantuan kecemasan membantu ke lokasi bagi memastikan keselamatan penduduk serta mengawal keadaan.

Sebagai tanda keprihatinan terhadap mangsa yang terjejas, YB Puan Anfaal Binti Saari, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, merangkap Pengerusi Wanita Berdaya Selangor (WBS) bersama Puan Siti Faridah binti Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Wanita Berdaya Selangor dan Pengurusan WBS telah turun padang meninjau situasi serta menyampaikan bantuan kepada mereka yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

Bantuan yang disalurkan merangkumi pakaian, susu kanak-kanak, tuala wanita, lampin pakai buang bayi, kain sarung lelaki dan perempuan bagi memenuhi keperluan asas mangsa. Pihak Mydin turut bekerjasama dalam

penyediaan dan penghantaran barangan bantuan ini bagi memastikan semua sumbangan tiba dengan cepat dan mencukupi. Penyerahan rasmi bantuan telah dilakukan di Masjid Putra Heights yang menjadi pusat penempatan sementara bagi mangsa kebakaran.

Wanita Berdaya Selangor komited untuk terus memberikan sokongan kepada mangsa yang terjejas serta bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara. Kami mendoakan agar mangsa yang terkesan dapat melalui ujian besar ini dengan penuh kesabaran.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor (WBS) atau hubungi Cik Farah Nadirah Mohd Salahuddin di talian 019-2982771 atau melalui emel di farah.nadirah@wbsselangor.com.my.

-Tamat-

JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK
WANITA BERDAYA SELANGOR
2 APRIL 2025